

AS perlu bertanggungjawab ke atas Iraq

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

PUTRAJAYA 17 Mei — Amerika Syarikat (AS) perlu bertanggungjawab atas kekacauan yang dicetuskannya di Iraq dengan mengekalkan tenteranya di negara itu selepas fungsi Pihak Berkuasa Sementara Kerajaan Penceroboh (CPA) tamat pada 30 Jun ini, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun bekas Perdana Menteri menegaskan, AS tidak boleh lagi memainkan peranan utama dalam operasi di Iraq sebaliknya perlu melepaskan kuasa kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kini AS sudah terlibat terlalu jauh dalam masalah di Iraq. Jika AS keluar dari Iraq, akan berlaku huru-hara dan jika ia terus berada di situ pun akan berlaku kekacauan.

"Apa yang boleh dilakukannya ialah mengekalkan tentera di Iraq tetapi melepaskan kuasa kepada PBB dan menerima arahan daripada sesiapa jua yang dilantik sebagai pegawai pemerintah oleh badan dunia itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima buku *A Salute To A Man* iaitu koleksi petikan ucapan dan gambar Dr. Mahathir sepanjang menjadi Perdana Menteri yang dikumpulkan oleh penulis, Bernice Narayanan, di Yayasan

Kepimpinan Perdana di Presint 8 di sini hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas keputusan AS untuk mengekalkan tenteranya di Iraq selepas tempoh berundur 30 Jun ini, malah media asing melaporkan Washington akan memindahkan 4,000 orang lagi anggota tentera dari Korea Selatan ke Baghdad untuk meningkatkan kekuatan tenteranya di negara itu.

Semalam, Presiden George W. Bush dilaporkan menandatangani satu arahan memberikan kuasa kepada Jabatan Negara memainkan peranan utama menggantikan Pentagon dalam operasi di Iraq selepas 30 Jun ini.

Dr. Mahathir sedar amat sukar bagi AS menerima arahan daripada PBB, tetapi ia tidak mempunyai pilihan lain untuk menyelesaikan masalah yang ditimbulkannya sendiri memandangkan semakin ramai yang terkorban termasuk di kalangan tenteranya.

"Penyelesaian yang ada ialah (AS) perlu terus berada di Iraq kerana mereka yang bertanggungjawab mencetuskan masalah. Mereka perlu menghadapi rakyat Iraq tetapi (beroperasi) di bawah arahan PBB.

"Masalah Iraq tidak akan selesai dalam satu malam, ia akan mengambil masa yang panjang," katanya.

Bekas Perdana Menteri mengingatkan AS bahawa tindakannya mencerooboh negara lain termasuk cadangan terbaru hendak

menyerang Syria hanya mengundang penentangan daripada rakyat negara terbabit.

"Mereka (AS) boleh mencerooboh semua negara (yang didakwanya) 'paksi kejahatan' tetapi hari ini anda tidak boleh menguasai sesebuah negara. Kerajaan mungkin menyerah kalah tetapi rakyat tidak akan menerima (campur tangan) asing," tegasnya.

Mengulas keputusan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) menghantar delegasi menteri luar berjumpa dengan kumpulan empat pihak (Kuartet) bagi membincangkan konflik di Asia Barat termasuk Iraq, beliau menyokongnya sebagai suatu tindakan yang perlu dilakukan.

Bagaimanapun Dr. Mahathir mengulangi pandangannya sebelum ini bahawa beliau tidak yakin delegasi OIC dan NAM mampu menyakinkan AS untuk mengubah pendiriannya terhadap isu Asia Barat terutama yang bersangkutan dengan kedudukan Israel.

"AS tidak boleh menentang Israel kerana sesiapa jua pemimpin yang berbuat demikian termasuk (John) Kerry akan kalah dalam pilihan raya," katanya.

Dr. Mahathir bagaimanapun tidak menganggap langkah OIC dan NAM mengatur pertemuan dengan Kuartet sebagai sia-sia kerana apa jua usaha perlu dilakukan.



DR. MAHATHIR Mohamad menerima cenderahati buku *A Salute To A Man* daripada penulisnya, Bernice Narayanan pada majlis penyerahan buku itu di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya semalam.